

20/07/1998

Kursus BTN untuk semua

KUANTAN, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju supaya latihan memupuk semangat cintakan negara kelolaan Biro Tata Negara (BTN) disertai bukan Bumiputera.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata modul bagi penyertaan bukan Bumiputera itu sudah siap dan akan dimulakan tahun ini.

"Sebagai permulaan, kita akan memilih pemimpin pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman untuk mengikuti kursus BTN, sebelum diperluaskan kepada pemimpin masyarakat Cina dan India di seluruh negara," katanya selepas merasmikan gotong-royong di Padang Lalang di sini, hari ini.

Kebanyakan kursus BTN, yang dibentuk bagi membangkitkan rasa kesedaran dan kecintaan kepada negara, sebelum ini disertai pelajar Bumiputera dan menimbulkan kurang senang pemimpin bukan Bumiputera.

Fauzi berkata, adalah tidak adil jika kerajaan hanya menghadkan kepada orang Melayu saja mengikuti kursus di BTN kerana semua rakyat negara ini wajib mencintai negara dan bangsa.

Menurutnya, langkah berkenaan bertujuan melahirkan pemimpin pelbagai kaum yang mengambil berat terhadap semua lapisan masyarakat, tanpa membezakan agama dan bangsa.

Jika program itu berjaya, BTN akan mengadakan kursus bercampur membabitkan pemimpin Cina, India dan Melayu supaya mereka dapat memahami cara kehidupan masing-masing, serta bersama-sama memperjuangkan kesejahteraan negara.

"Melalui kursus itu, mereka akan tinggal bersama selama empat atau lima hari supaya menjadi pemimpin yang matang serta lebih sensitif kepada keperluan rakan lain," katanya.

Menurut Fauzi, kursus yang diadakan itu nanti bukan saja dikendalikan oleh penceramah BTN, malah pemimpin masyarakat lain akan dijemput untuk tujuan yang sama.

"Selain penekanan latihan kepada usaha memupuk semangat, ia juga akan dimasukkan unsur keilmuan dari segi pemerintahan, kesetiaan dan amanah kepada negara," katanya.

(END)